

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 JULY 2017

Mereka tidak lagi di landasan betul

KUALA LUMPUR 10 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Lim Kit Siang perlu segera berundur daripada arena politik tanah air sekiranya ikhlas menyimpan hasrat mahu melihat Malaysia menjadi sebuah negara berjaya.

Gesaan itu disuarakan oleh bekas Pengasas PKR, Ng Lum Yong yang berpendapat acuan politik dibawa ketiga-tiga pemimpin veteran berkenaan tidak lagi berada di landasan betul.

Beliau juga berkata, tindak-tanduk politik individu-individu tersebut yang dahulunya merupakan seteru tetapi kini bersahabat baik hanya merosakkan imej negara sahaja.

“Ketiga-tiga mereka tidak mempunyai prinsip perjuangan politik yang jelas.

Lihat sahaja Kit Siang, dahulu beliaulah yang kuat menghentam Dr. Mahathir tetapi hari ini disebabkan mahukan kuasa

politik, semua perkara pernah disebut dilupakan begitu sahaja.

“Dr. Mahathir, Anwar, Kit Siang bersama hari ini semata-mata demi kepentingan dan kuasa politik sahaja. Sebab itu saya katakan mereka perlu segera berundur daripada arena politik, jika tidak dikhuatiri memberi

imej lebih buruk kepada negara,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin yang menyifatkan Dr. Mahathir dan Anwar merupakan tokoh perpecahan dalam kalangan orang Melayu, manakala Kit Siang pula melibatkan orang Melayu dan

Cina.

Mengulas lanjut, Lum Yong yang juga Presiden Pertubuhan Jaringan Rakyat Malaysia percaya perpaduan dalam kalangan rakyat boleh dipertingkatkan sekiranya tiada ketiga-tiga tokoh berkenaan.



NG LUM YONG

um- 11/7/2017 Pg. 8